

22 JUL 1996

MELAKA INGIN TEROKAI BIDANG PERLOMBONGAN DI REPUBLIK KYRGYZ

ALOR GAJAH, 22 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri Melaka bercadang menerokai pelaburan dalam bidang perlombongan dan pelancongan di Republik Kyrgyz dan Kazakhstan.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani hari ini berkata beberapa peluang pelaburan dalam bidang berkenaan dikenalpasti semasa beliau menyertai lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama lima hari ke kedua-dua negara itu minggu lepas.

"Kita akan menunggu laporan kajian kerajaan pusat mengenai peluang pelaburan di kedua-dua negara itu," katanya kepada pemberita selepas melawat rumah mangsa ribut di Tanjung Bidara dan Kuala Linggi, di sini.

Kerajaan negeri bercadang melaburan menerusi beberapa agensinya terutama dalam bidang perlombongan dan pelancongan yang didapati mempunyai potensi untuk dimajukan di negara bekas jajahan Russia itu.

Ketika diminta mengulas mengenai kerosakan rumah penduduk-penduduk di Tanjung Bidara dan Kuala Linggi yang rosak dalam kejadian ribut Sabtu lepas, Mohd Zin berkata kerajaan negeri akan membaiki dan membina semula rumah mereka.

Bantuan itu diberikan kerana kebanyakan penduduk yang menjadi mangsa ribut itu terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

"Bantuan yang akan diberikan itu adalah di bawah peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)," katanya sambil menambah bantuan akan disalurkan menerusi Jawatankuasa Penyelaras dan Bertindak yang dipengerusikan ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Masjid Tanah, Ramli Said.

Peruntukan PPRT bagi pembinaan rumah yang musnah ialah sebanyak RM5,000 manakala bagi rumah yang mengalami kerosakan ialah antara RM3,000 dan RM3,500.

Mohd Zin berkata kerja pembinaan semula rumah penduduk terbabit akan dijalankan secara gotong royong.

Angkatan Tentera Malaysia bersetuju menyertai giting royong itu bersama dengan kakitangan Jabatan Kerja Raya, Majlis Daerah Alor Gajah dan penduduk kampung.

Sebanyak 69 rumah di empat kampung di Tanjung Bidara dan tujuh lagi di kawasan Kuala Linggi rosak apabila ribut melanda kawasan itu pagi Sabtu lepas.

Kira-kira 300 penduduk mangsa kejadian itu menumpang sementara di rumah saudara mara dan jiran manakala bantuan makanan dan pakaian disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. -- BERNAMA

MYD NAK